

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

PERTANYAAN : BERTULIS

**DARIPADA : Y.B. DATO' HAJI AHMAD NAZLAN BIN IDRIS
[JERANTUT]**

SOALAN :-

Y.B. Dato' Haji Ahmad Nazlan bin Idris [Jerantut] minta MENTERI KESEJAHTERAAN BANDAR, PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN menyatakan apakah tindakan yang dilakukan pihak Kementerian dalam usaha membanteras kes penindasan oleh syarikat Pemberi Pinjaman Wang (PPW) terhadap pengguna yang mengenakan faedah tinggi melebihi kadar yang dibenarkan. Adakah pihak Kementerian membuat pemantauan secara konsisten terhadap PPW ini.

JAWAPAN :-

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kementerian menjalankan pemantauan berkala bagi memastikan pemberi pinjam wang (PPW) berlesen beroperasi selaras dengan peruntukan Akta Pemberi Pinjam Wang 1951 [Akta 400] dan Peraturan-peraturan yang ditetapkan. Satu senarai semak yang komprehensif diguna pakai dan PPW yang didapati tidak menepati kriteria yang ditetapkan akan dikenakan tindakan susulan seperti pengarah syarikat diarah hadir di Kementerian untuk memberi keterangan atau diberi surat tunjuk sebab mengapa tindakan penguatkuasaan tertentu tidak boleh diambil terhadapnya.

Kementerian juga menjalankan serbuan ke atas PPW berdasarkan aduan. Perkara-perkara yang dipantau oleh Kementerian adalah kadar faedah (tinggi) yang dikenakan, ketiadaan salinan perjanjian, kegagalan memberi resit kepada peminjam dan tindakan yang mengganggu gugat peminjam.

Bagi kes PPW yang mengenakan kadar faedah tinggi, satu siasatan akan dibuka di bawah Seksyen 17A, Akta 400 dan sekiranya didapati kes adalah berasas dan mempunyai bukti yang mencukupi, PPW tersebut akan dihadapkan ke mahkamah. Jika didapati bersalah, PPW boleh dikenakan denda sehingga RM20,000.00 atau dikenakan penjara tidak melebihi 18 bulan atau kedua-duanya.

Kementerian Kesejahteraan Bandar,
Perumahan dan Kerajaan Tempatan

November 2016